

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK DR. HAJI ABD. LATIFF BIN AHMAD
[MERSING]
TARIKH : 24 OKTOBER 2019 [KHAMIS]

SOALAN NO. 35

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-

- a. adakah projek penanaman padi pulut di Langkawi akan diperluaskan ke kawasan jelapang padi yang lain di Semenanjung serta di Sabah dan Sarawak yang mempunyai keluasan tanah pertanian yang lebih luas; dan
- b. adakah Kementerian turut bercadang untuk memperkenalkan varieti beras perang bagi industri makanan bayi yang lebih tinggi harganya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini penanaman padi pulut ditumpukan kepada Pulau Langkawi sebagai suatu produk *signature* khusus bagi pulau tersebut selain membantu peningkatan pendapatan pesawah di pulau berkenaan berikutan nilai produk ini lebih tinggi di pasaran. Memandangkan pulut merupakan sumber makanan alternatif maka penanamannya ditumpukan di kawasan luar jelapang bagi memastikan tahap sara

SOALAN NO : 35

diri (SSL) beras putih biasa yang merupakan makanan ruji rakyat tidak terjejas.

2. Untuk tujuan tersebut, Kerajaan sedang melaksanakan projek rintis penanaman padi pulut di Langkawi yang mana penanaman pertama telah bermula pada 29 Julai 2019. Setakat ini, keluasan kawasan *pilot plot* penanaman padi pulut adalah sebanyak 38.96 hektar dan penanaman akan dilakukan secara berfasa di seluruh kawasan bertanam di Langkawi.
3. Perancangan pengembangan projek penanaman padi pulut ke kawasan-kawasan lain yang berpotensi di luar jelapang di seluruh negara akan diteliti berdasarkan kejayaan projek rintis penanaman padi pulut di Langkawi. Projek penanaman padi pulut ini adalah sebagai asas bagi kerajaan meneroka sumber alternatif baru bagi meningkatkan pendapatan pesawah dan menghasilkan produk yang berupaya menjadi *niche* negara.
4. Varieti beras perang mempunyai harga yang lebih tinggi berbanding beras biasa kerana beras yang dikategorikan dalam kumpulan *specialty rice* ini mempunyai bekalan yang terhad selain maafaatnya yang sering dipromosikan sebagai makanan kesihatan selain digunakan dalam formulasi makanan bayi. Daripada segi nutrisi beras ini secara relatifnya berkalori rendah (216 kalori per cawan), tinggi serat, bebas gluten dan boleh dijadikan pelbagai makanan.
5. Setakat ini, pihak Kerajaan belum bercadang untuk memperkenalkan varieti beras perang bagi industri makanan bayi. Namun begitu, Kerajaan tiada halangan terhadap cadangan ini tertakluk kepada keperluan bagi industri makanan bayi pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.